



Untuk Terbitan Media

4 Jun 2024

SIARAN MEDIA

LEBIH 180,000 RAKAN PEMANDU DAN PENGHANTAR GRAB MALAYSIA TERIMA TAJAAN CARUMAN SKSPS

KUALA LUMPUR: Lebih 180,000 rakan pemandu (e-hailing) dan penghantar (p-hailing) Grab Malaysia menerima tajaan caruman Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS).

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong hari ini mengumumkan tajaan perlindungan oleh Grab Malaysia bagi rakan pemandu dan penghantar bawah kendalian mereka adalah untuk tempoh perlindungan selama 12 bulan bermula daripada tarikh mereka didaftarkan.

“Tajaan Grab Malaysia adalah menerusi inisiatif Belanjawan 2024, di bawah geran padanan caruman SKSPS dimana 90 peratus ditanggung kerajaan manakala baki sebanyak 10 peratus ditaja sepenuhnya oleh pihak Grab Malaysia untuk lebih 180,000 rakan pemandu dan rakan penghantar.

“Melalui inisiatif ini, perlindungan percuma diberikan kepada mereka yang layak sekali gus berupaya mengurangkan beban rakan pemandu e-hailing dan rakan penghantar p-hailing dalam mendapatkan perlindungan sebagai sokongan kewangan bagi menjamin keselamatan dan keluarga mereka sekiranya ditimpa bencana sewaktu menjalankan aktiviti pekerjaan sendiri mereka,” ujar beliau.

Steven Sim menjelaskan signifikan SKSPS ini kepada pencarum dibuktikan berdasarkan perangkaan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) untuk tahun 2024 sehingga **24 Mei lalu**, yang merekodkan sebanyak **2,033** kes tuntutan diterima dan diproses dengan pembayaran faedah keseluruhan mencecah lebih **RM8.93 juta** merangkumi **20 sektor**. Manakala, untuk tempoh sama sektor e-hailing dan p-hailing mencatatkan sebanyak **631 kes** tuntutan dengan pembayaran faedah berjumlah **RM3.3 juta**.

Untuk tahun ini sehingga 24 Mei lalu, PERKESO merekodkan seramai **622,473** pencarum SKSPS aktif.

Beliau berkata demikian ketika menghadiri Majlis Pemeterian SKSPS dan Pemeteraian MoU antara KESUMA PERKESO bersama Grab Malaysia di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur.

Sementara itu, Pengarah Operasi dan Mobiliti Grab Malaysia, Rashid Shukor berkata Grab Malaysia amat berbesar hati dapat meneruskan kerjasama dengan PERKESO dalam menaja caruman yang dibuat oleh rakan-pemandu dan penghantar aktif melalui program SPS Padanan Caruman selaras dengan komitmen Grab yang menyediakan peluang pendapatan yang fleksibel sambil memelihara kebajikan mereka.

“Kerjasama berterusan dengan PERKESO ini manifestasi komitmen kami untuk memperkasakan rakyat Malaysia dengan peluang yang mudah diakses dan fleksibel dalam ekonomi yang berkembang maju. Ini termasuk akses kepada peluang pendapatan, perlindungan sosial yang kukuh dan peluang peningkatan kemahiran yang berterusan.

“Rakan pemandu dan penghantar Grab memainkan peranan penting dalam memenuhi keperluan harian rakyat Malaysia, dan kami komited untuk menawarkan ketenangan fikiran kepada mereka dan keluarga mereka dengan menjamin kebajikan melalui pemberian insurans percuma, memudahkan cara caruman ke dalam skim keselamatan sosial, dan melaksanakan inisiatif keselamatan.

“Mereka yang layak serta mendaftar inisiatif SKSPS dan telah membuat caruman juga akan mendapat pembayaran balik berdasarkan jumlah yang ditaja. Dalam usaha menggalakkan lebih ramai rakan untuk mendaftar SKSPS, Grab akan turut memanfaatkan platform dan saluran yang berkaitan untuk memacu kesedaran dan pendidikan lanjut dalam kalangan rakan pemandu dan penghantar di seluruh negara,” kata Rashid dalam

ucapan beliau di majlis berkenaan.

Turut hadir pada majlis hari ini adalah Timbalan Menteri KESUMA, Dato' Sri Haji Abdul Rahman Mohamad, Ketua Setiausaha KESUMA, Dato' Sri Khairul Dzaimee Daud, Penggerusi Lembaga PERKESO, Dato' Sri Subahan Kamal, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Mohammed.

Tamat

###

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Iaitu, kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip ‘Prihatin’ dan ‘*no one left behind*’. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MyFutureJob One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

4 Jun 2024

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Iklil Fatihah bt Kamal Redzuan

+6019-7107479

Fatihah.redzuan@perkeso.gov.my